

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN**  
**[KINABATANGAN]**  
**TARIKH : 1.04.2015 (RABU)**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah kesungguhan Kerajaan dalam mengekang aktiviti syarikat-syarikat jualan langsung (*Multi-Level Marketing* - MLM) yang beroperasi dalam negara tanpa kebenaran dan sering membuat penipuan. Apakah perancangan Bank Negara dalam memastikan kegiatan-kegiatan haram syarikat MLM ini dapat dihentikan secara total agar dapat mengelakkan rakyat daripada terus terperangkap dan tertipu.

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Bagi memastikan tiada unsur-unsur penipuan berlaku di dalam industri Jualan Langsung, pelbagai kriteria telah ditetapkan dan diteliti sebelum sesuatu lesen diluluskan oleh Kementerian. Antara kriteria tersebut adalah seperti berikut:

- i) Pelan pemasaran syarikat tidak menjurus ke arah skim piramid;
- ii) Tiada aduan diterima oleh Kementerian berkaitan salah laku syarikat;
- iii) Memastikan semua produk yang dipasarkan oleh syarikat telah mendapat kelulusan agensi berkaitan seperti:
  - Kementerian Kesihatan Malaysia bagi produk kesihatan, makanan dan kosmetik;
  - SIRIM dan Suruhanjaya Tenaga bagi produk elektrik atau kelengkapan rumah; dan
  - Lain-lain agensi mengikut jenis produk yang dipasarkan.
- iv) Dokumen yang dikemukakan mestilah lengkap dan sahih.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Bagi meningkatkan amalan perniagaan beretika di dalam industri jualan langsung dalam menjaga kepentingan bersama industri dan pengguna, Kementerian telah melancarkan Kod Etika Dan Tatacara Jualan Langsung pada 12 Jun 2012. Kod ini menjadi garis panduan kepada pemain industri ini dalam meningkatkan amalan perniagaan beretika dalam urusan perniagaan mereka. Kod Etika Dan Tatacara Jualan Langsung ini juga diharap dapat meningkatkan persepsi positif rakyat

terhadap kepentingan industri jualan langsung dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negara. Kod ini juga menerangkan etika dan tatacara pemain industri secara menyeluruh termasuk etika dan tatacara pengedar dan etika dan tatacara syarikat seperti menjaga hubungan baik serta bertanggungjawab ke atas pengguna.